

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Thursday, July 26, 2018 11:44 AM
To: UUM - All Staff
Subject: KESEDARAN TERHADAP KEPENTINGAN GIS MENINGKAT. BENGKEL GIS TARIK RAMAI PESERTA LUAR



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

KHAMIS, 26 JULAI 2018 | 15 ZULHIJAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



KESEDARAN TERHADAP KEPENTINGAN GIS MENINGKAT, BENGKEL GIS TARIK RAMAI PESERTA LUAR.

NCRC ONLINE: Seiring dengan penubuhan makmal Geographic Information System (GIS) di Universiti Utara Malaysia, Northern Corridor Research Centre (NCRC) telah dipertanggungjawab untuk memperkenalkan dan mempromosi interaksi rungan dan pembangunan GIS para pelajar UUM, staf akademik dan orang luar sejak tahun 2014.

1-Day Workshop On Geographic Information System (GIS) for Management merupakan bengkel yang kali keempat dianjurkan oleh makmal GIS-NCRC. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 26 Jun 2018 di Makmal 1

FPAU, SOG yang lalu bertujuan untuk berkongsi pengetahuan dan pendedahan tentang GIS yang lebih mendalam kepada para peserta dan mengaplikasikan GIS dalam pelbagai bidang yang lain terutama dalam bidang pengurusan. Selain itu, bengkel ini juga merupakan satu platform bagi mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan melalui tenaga pakar yang ada dalam makmal GIS di NCRC.

Bengkel ini telah disampaikan sepenuhnya oleh Profesor Pelawat dari UUM COLGIS, Prof. Dr. Ravindra Nath Vyas yang juga merupakan Felo penyelidikan NCRC. Antara kandungan pengisian bengkel tersebut yang menarik minat dan fokus peserta adalah cara mengurus maklumat berdasarkan lokasi, menganalisis maklumat secara spatial berdasarkan lokasi, menyelesaikan masalah berkaitan lokasi, dan membuat keputusan berdasarkan lokasi. Bengkel yang dihadiri 13 peserta itu terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Jabatan Ukur dan pemetaan (JUPEM) Perlis, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah dan pensyarah-pensyarah UUM.

Impak daripada bengkel ini juga, NCRC mendapat peluang untuk bekerjasama dengan pihak Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dalam menjalankan kajian projek yang sedang dijalankan oleh mereka menerusi aplikasi GIS.

Sekian,

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.